

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
(SEPANGGAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah penguatkuasaan terhadap pelaksanaan GST berkesan terhadap peniaga yang mengenakan double taxation yang menjadikan rakyat marah dan berapa banyakkah kes-kes seumpama itu telah dikenal pasti dan dibawa ke mahkamah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) telah dimansuhkan dan diganti dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2015. SST yang dikenakan sebelum 1 April 2015 adalah dibayar dalam penyata terakhir yang dikemukakan

kepada Jabatan Kastam mulai 1 April hingga 28 April 2015.

Tanggapan bahawa rakyat dikenakan cukai dua kali atau *double taxation* adalah tidak benar. Ini kerana bagi stok barang yang telah dibayar SST tetapi tidak dapat dijual sebelum 1 April 2015, peniaga boleh menuntut kembali cukai jualan tersebut. Perkara ini termaktub di bawah subseksyen 191 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang memperuntukan tuntutan bagi pembayaran balik khas cukai jualan. Seksyen ini dengan jelas menyatakan bahawa mana-mana orang yang berhak untuk menuntut pembayaran balik khas boleh membuat tuntutan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pelaksanaan GST dan tuntutan akan dibayar balik dalam tempoh 2 tahun. Tuntutan akan dibayar sama ada secara ansuran suku tahunan atau mana-mana tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kastam.